KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **23 MEI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 2

# Rasionalisasi subsidi diesel perlu demi masa depan negara

## Langkah cegah ketirisan, pastikan manfaat hanya dinikmati golongan sasar

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengumuman mengenai rasionalisasi subsidi diesel di Semenanjung Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim malam kelmarin, adalah langkah yang perlu demi masa depan negara.

Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, menjelaskan ia bagi mencegah ketirisan selain memastikan subsidi itu betul-betul sampai kepada golongan sasar.

Menjelaskan mengenai pengecualian bagi pengguna di Sabah dan Sarawak, beliau berkata hal ini kerana kebanyakan daripada mereka masih bergantung kepada penggunaan diesel untuk tujuan pengangkutan.

Pelaksanaan penyasaran subsidi untuk bahan api itu nanti, beliau berkata, berupaya menjimatkan perbelanjaan negara selain peruntukan berkenaan dapat digunakan untuk pembangunan lebih penting.

"Kerajaan Malaysia kerugian akibat subsidi tersebut tidak mencapai sasaran kepada yang benar-benar memerlukan, sebaliknya ia sampai kepada pemilik syarikat serta 3.8 juta warga asing.

"Walhasil kerajaan dapat menjimatkan wang sebanyak RM4 bilion setahun serta dapat menyalurkan subsidi kepada kelompok yang disasarkan.

"Dapatlah kerajaan untuk menyalurkan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang ditambah baik dan ditingkatkan kepada RM700 juta berbanding RM130 juta," katanya di plaform X semalam.

Dalam Perutusan Negara malam kelmarin, Perdana Menteri memaklumkan Kabinet bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung yang dianggar membawa penjimatan sebanyak RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.



Pelaksanaan subsidi diesel secara bersasar akan memberi penjimatan RM4 bilion kepada kerajaan. (Foto hiasan)

Bagi membendung kenaikan drastik harga barangan dan perkhidmatan di Semenanjung, Anwar berkata kerajaan akan menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Subsidi itu membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Anwar berkata, kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

### Berani laksana reformasi

Sementara itu, di **Teluk Intan**, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, hanya Anwar sanggup mengambil risiko melakukan reformasi sedemikian.

Beliau yang juga Naib Pengerusi DAP berkata, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan MADANI tidak boleh membiarkan ketirisan subsidi yang dianggarkan bernilai RM4 bilion setahun terus dinikmati golongan warga asing.

"Adalah sangat penting program penyasaran subsidi ini dilakukan untuk memperbetulkan kesilapan silam. Kita tak mahu ketirisan sedemikian terus berlaku di setiap kerajaan datang silih ganti. Semua cakap saja, tiada seorang pun berani buat.

"Akhirnya, individu bernama Anwar Ibrahim sahaja yang sanggup tampil ke depan untuk melakukan reformasi yang amat penting ini," katanya kepada media selepas menyempurnakan Program Penyerahan Bantuan kepada Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Kebangsaan Tamil (SJKT) Parlimen Teluk Intan di Dewan Kuil Sri Vellai Vinayagar, di sini, semalam.

Pada program itu, Kor Ming menyerahkan sumbangan bernilai keseluruhan RM24,000 kepada 240 murid dari 11 SJKT.

Kor Ming berkata, setiap tahun kerajaan menanggung subsidi pukal lebih RM80 bilion untuk bahan api RON 95, diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan elektrik, yang mana seramai 3.8 juta warga asing yang tidak membayar cukai turut menikmati pengagihan subsidi itu secara salah.

Katanya, setiap hari lebih tiga juta liter diesel bersubsidi diseludup oleh sindiket membabitkan kerugian RM2 bilion setahun.

"RM2 bilion bermaksud belanjawan Perak bagi dua tahun masuk ke dalam longkang, masuk ke dalam poket sindiket.

"Sebaik perkara ini dijelaskan, saya percaya rakyat berfikiran waras akan tahu dan menerima keputusan kerajaan ini. Ini adalah antara dasar reformasi yang kita harus dapat dokong bersama," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian



# Jimat RM4b diesel tingkat daya saing

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang dijangka membawa penjimatan kira-kira RM4 bilion setahun kepada kerajaan akan membantu mengukuhkan lagi kedudukan fiskal negara serta meningkatkan peruntukan sumber, selain mengurangkan penggunaan bahan api fosil serta jejak karbon.

Profesor Ekonomi Universiti Sunway Prof Yeah Kim Leng berkata, rasionalisasi yang membabitkan pengguna di Semenanjung itu dijangka memberi kesan positif kepada ekonomi serta kerajaan dalam membantu usaha melaksanakan pembaharuan yang diperlukan bagi memastikan kemampanan fiskal dan meningkatkan kecekapan ekonomi.

"Langkah kerajaan merasionalisasikan subsidi bahan api bermula dengan diesel dilaksanakan secara berhati-hati dengan pelbagai kumpulan sasaran terlindung daripada kesan kenaikan harga menerusi bantuan kad pembayaran bahan api dan bayaran tunai.

"Penyasaran subsidi akan menyederhanakan kesan ke atas inflasi di samping membawa penjimatan yang besar kepada kerajaan terutama dalam bentuk ketirisan dan penyeludupan rentas sempadan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Perutusan Negara malam kelmarin mengumumkan Kabinet bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung yang dianggarkan membawa penjimatan RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.

Beliau berkata, bagi membendung kenaikan drastik harga barangan dan perkhidmatan di Semenanjung, kerajaan akan menyediakan subsidi diesel kepada peniaga menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Subsidi itu membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Dalam pada itu, Kim Leng berpandangan kos pengangkutan tidak sepatutnya meningkat kerana kebanyakan pengendali diberikan subsidi diesel.

"Begitu juga inflasi pengguna akan terkesan secara langsung, tetapi pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa yang berkaitan perlu dipertingkatkan bagi mengelak kenaikan harga yang tidak wajar oleh peniagaan terutama dalam sektor pengangkutan," katanya.

## Tinjauan lebih positif

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata penjimatan RM4 bilion itu membolehkan kerajaan menyalurkannya kepada perkara yang akan meningkatkan produktiviti negara dalam jangka sederhana dan panjang.

"Penjimatan subsidi diesel akan disalurkan kepada program bayaran tunai serta meningkatkan daya saing sektor pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang akan meningkatkan daya saing negara," katanya.

Mohd Afzanizam juga berkata, agensi penarafan kredit bakal menilai semula tinjauan penarafan yang sedia ada kepada tinjauan yang positif sekiranya hasil reformasi ekonomi ini mula membuahkan hasil.

"Sekiranya berlaku kenaikan penarafan kredit, ia akan dapat menarik perhatian pelabur asing terutamanya dalam pelaburan portfolio yang mana pegangan asing dalam instrumen pendapatan tetap seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) serta bon korporat bakal meningkat dan sekali gus berpotensi untuk menaikkan nilai ringgit," katanya.

BERNAMA

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS

TARIKH: 23/5/2024

M/SURAT: 4

Hanya 1.7 peratus penduduk, 3.5 juta warga asing terkesan

# Harga diesel dijangka naik RM3.40

[illegible]

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 4

Tidak libatkan pengguna di Sabah dan Sarawak

# Penyasaran subsidi diesel jimat RM4 bilion

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI



ANWAR berucap pada Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen kelmarin.

**PETALING JAYA** – Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel dengan jumlah penjimatan kepada kerajaan adalah dijangka (secara kasar) sekitar RM4 bilion setahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebagai permulaan, penyasaran subsidi diesel itu hanya akan melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak melibatkan pengguna di Sabah dan Sarawak.

Menurutnya, hal ini kerana hampir setiap keluarga di Sabah dan Sarawak menggunakan diesel bagi kenderaan untuk kegunaan harian mereka.

"Justeru di Semenanjung, bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan, kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

"Ini melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), termasuk pengusaha bas dan teksi.

"Malah, kerajaan juga akan terus memberi subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu," katanya berucap pada Perutusan Negara disiarkan secara langsung malam kelmarin.

Anwar berkata, kebajikan rakyat akan terus terpelihara bagi menangani kos sara hidup.

"Kerajaan bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

"Bantuan tunai ini pastinya tidak memanfaatkan golongan T20," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 8



SEBUAH lori pasir yang disita selepas digunakan oleh pemiliknya untuk menyeludup 6,000 liter diesel bersubsidi yang disembunyikan di dalam tangki rahsia di Ulu Tiram baru-baru ini.

# Tangki rahsia seludup diesel

JOHOR BAHRU – Tembelang satu sindiket untuk menyeleweng 6,000 liter diesel bersubsidi bernilai RM12,900 terbongkar apabila diserbu sepasukan anggota dan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor baru-baru ini.

Serbuan pada pukul 7.30 malam di sekitar Ulu Tiram pada Isnin lalu itu turut menahan seorang lelaki yang menyewakan lorinya untuk digunakan bagi mengisi diesel tersebut.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, rampasan dibuat hasil tindakan pantas pihaknya yang melakukan pemeriksaan di sekitar Ulu Tiram.

"Lori itu diletakkan di tempat mencurigakan sebelum membuat pemeriksaan dan mendapati kenderaan itu membawa diesel tanpa lesen dan permit.

"Jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan RM63,403. Modus operandi sindiket ialah mengubah suai lori membawa muatan pasir dengan meletakkan tangki besi untuk menyimpan diesel bagi mengaburi mata pihak berkuasa," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sehubungan itu, KPDN menegaskan pihaknya akan terus menjalankan operasi untuk mengekang aktiviti haram tersebut bagi melindungi kepentingan negara.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 23/5/2024

M/SURAT: 22



UNJURAN CIMB Investment Bank sejajar dengan bayangan daripada kerajaan baru-baru ini bahawa rasionalisasi akan bermula dengan diesel.

SUBSIDI BAHAN API

# CIMB Investment jangka mula pertengahan Jun

**Kuala Lumpur:** CIMB Investment Bank Bhd menjangkakan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api akan bermula seawal pertengahan Jun 2024.

Unjuran ini sejajar dengan bayangan daripada kerajaan baru-baru ini bahawa rasionalisasi akan bermula dengan diesel, kata bank pelaburan itu dalam satu nota penyelidikan semalam.

"Tarikh pelaksanaan tidak dinyatakan, namun kami difahamkan bahawa pendaftaran untuk sistem 'fleet card' (diesel bersubsidi) dijadualkan pada bulan depan, jadi Jun dijangkakan menjadi tarikh paling awal.

"Memandangkan proses permohonan untuk 'fleet card' itu, kami menjangkakan pelaksanaan (rasionalisasi) akan dilakukan seawal pertengahan Jun," kata bank itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam Perutusan beliau mengumumkan keputusan Kabinet untuk memulakan rasionalisasi subsidi bahan api, bermula dengan diesel.

Bagaimanapun, garis masa pelaksanaannya tidak dinyatakan, sementara menunggu pengumuman daripada kementerian berkaitan.

Sebelum ini Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali pada Februari lepas menyatakan rancangan untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel menjelang Jun 2024.

Menurut Perdana Menteri, penjimatan daripada penyasaran subsidi diesel itu dianggarkan sebanyak RM4 bilion, bersamaan dengan 0.2 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) setahun.

CIMB Investment Bank menggariskan dua peringkat permohonan di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi (SKDS) 2.0.

Ini termasuk permohonan kepada KPDN untuk mendapatkan kebenaran, dengan kelulusan mengambil masa sehingga dua hari, dan permohonan kepada syarikat minyak untuk mendapatkan 'fleet card' yang dianggarkan mengambil masa sehingga empat minggu.

Proses permohonan SKDS 2.0 untuk syarikat yang mengendalikan sembilan jenis kenderaan pengangkutan barang bermula pada 7 Mac dan telah diperluaskan kepada 14 jenis kenderaan komersial tambahan setakat 13 Mei.

"Pada tahap ini, masih tidak jelas sama ada individu yang layak memiliki kenderaan berkuasa diesel perlu memohon bantuan tunai, atau sama ada kerajaan akan menggunakan maklumat daripada pangkalan data PADU," kata bank pelaburan itu.

Pangkalan Data Utama, atau PADU, berfungsi sebagai repositori berkomputer untuk menyimpan dan mengurus maklumat mengenai utiliti dan bantuan berkaitan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 22

# Penyasaran subsidi diesel kukuh fiskal negara

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang dijangka membawa penjimatan kira-kira RM4 bilion setahun kepada kerajaan akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan fiskal negara dan meningkatkan peruntukan sumber selain mengurangkan penggunaan bahan api fosil serta jejak karbon.

Profesor ekonomi daripada Universiti Sunway Prof Yeah Kim Leng berkata rasionalisasi yang melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia itu dijangka memberi impak positif kepada ekonomi serta kerajaan dalam membantu usaha melaksanakan pembaharuan yang diperlukan bagi memastikan kemampanan fiskal dan meningkatkan kecekapan ekonomi.

"Langkah kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi bahan api bermula dengan diesel dilaksanakan secara berhati-hati dengan pelbagai kumpulan sasaran terlindung daripada kesan kenaikan harga menerusi bantuan kad pembayaran bahan api dan bayaran tunai.

> "Penyasaran subsidi akan menyederhanakan kesan ke atas inflasi"
> Yeah

"Penyasaran subsidi akan menyederhanakan kesan ke atas inflasi di samping membawa penjimatan yang besar kepada kerajaan terutamanya dalam bentuk ketirisan dan penyeludupan rentas sempadan," katanya kepada Bernama.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi perutusan beliau kelmarin mengumumkan Kabinet bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia yang dianggarkan dapat membawa penjimatan sebanyak RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.

Beliau berkata bagi membendung kenaikan drastik harga barangan dan perkhidmatan di Semenanjung, kerajaan akan menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Subsidi itu melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menurut Anwar kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

Yeah berpandangan bahawa kos pengangkutan tidak sepatutnya meningkat kerana kebanyakan pengendali diberikan subsidi diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 23/5/2024

M/SURAT: 16

PENYASARAN SUBSIDI DIESEL DI SEMENANJUNG

# Kerajaan jimat RM4b setahun

Oleh Hayati Ibrahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kabinet bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api bermula dengan diesel membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dengan usaha penyasaran subsidi diesel ini, jumlah penjimatan kepada kerajaan adalah dijangka secara kasar sekitar RM4 bilion setahun.

Katanya, sebagai permulaan, penyasaran subsidi diesel hanya akan membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia saja dan tidak membabitkan pengguna Sabah dan Sarawak.

"Bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan, kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial berasaskan diesel.

"Ini membabitkan sejenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

"Ini termasuk pengusaha bas dan teksi, malah Kerajaan juga akan terus memberi subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu," katanya dalam Perutusan Negara Oleh Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung, semalam.

Anwar berkata, kerajaan juga bersetuju menyalurkan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan pekebun kecil.

> "Rakyat jangan bimbang, sebarang penyasaran subsidi tidak akan bebankan rakyat, ia hanya memberi kesan kepada golongan maha kaya dan rakyat asing"



ORANG ramai menyaksikan Perutusan Negara Oleh Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung melalui televisyen ketika makan di sebuah restoran sekitar [illegible].

"Ini termasuk golongan B40 dan M40 yang menggunakan diesel dalam bidang pertanian, perikanan, penternakan dan sebagainya akan terus dibantu," katanya.

Anwar berkata, golongan yang tidak menjangkau manfaat daripada penyasaran subsidi ini adalah T15 iaitu golongan berada dan rakyat asing.

"Rakyat jangan bimbang, sebarang penyasaran subsidi tidak akan bebankan rakyat. Ia hanya memberi kesan kepada golongan maha kaya dan rakyat asing.

"Bagi mana-mana rakyat yang terbeban dan mengalami masalah, mereka boleh rujuk kepada Kementerian Pengangkutan atau kementerian berkaitan supaya dapat dipastikan penyasaran subsidi bahan api diesel hanya memberi kesan kepada golongan kaya dan orang asing sahaja.

"Kita perlu penyasaran subsidi ini kerana tidak mampu memberi subsidi kepada golongan maha kaya dan warga asing," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 12

DISYAKI LANGGAR TAKRIF HALAL

# 847 kotak ayam sejuk beku dirampas

Kota Kinabalu: Sebanyak 847 kotak ayam sejuk beku bernilai RM121,968 dirampas selepas disyaki terbabit dengan pengingkaran takrifan halal.

Rampasan itu dilakukan Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan di Jalan Burung Keleto, Inanam di sini, kelmarin.

Kesemua ayam sejuk beku berkenaan mempunyai logo halal namun didapati disimpan dalam kontena bersama bekalan daging khinzir.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah Georgie Abas berkata, semua rampasan berkenaan diterima daripada PGA untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM151,968 termasuk kontena sejuk beku berkenaan.

"Seorang lelaki tempatan yang juga pemilik premis yang ditemui di tempat kejadian sudah diambil keterangan bagi tujuan membantu siasatan.

"Sementara daging khinzir pula disita oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Georgie berkata, kes terbabit akan disiasat mengikut Perintah 3 (1) (g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 iaitu menyimpan barang yang diperihalkan sebagai halal dengan barang yang tidak diperihalkan sebagai halal berdekatan di satu tempat simpanan yang sama.

Katanya, mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, pesalah membabitkan pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM5 juta dan tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan kedua.

"Bagi orang perseorangan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sehubungan itu, Georgie berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan aktiviti salah laku dan tidak beretika peniaga berhubung penggunaan logo halal boleh disalurkan kepada pihak KPDN untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, sebarang maklumat boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp ditalian 019-848 8000 atau menerusi Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my.

"Maklumat turut boleh disalurkan menerusi talian Call Centre 1-800-886-800 atau aplikasi telefon pintar, Ez ADU KPDN," katanya.



PASUKAN operasi memeriksa sebuah stor penyimpanan di Inanam selepas disyaki melanggar takrifan halal.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS

TARIKH: 23/5/2024

M/SURAT: 1



# LANGKAH BERANI

## SUBSIDI DIESEL BERSASAR

- Reformasi subsidi bahan api negara bermula apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim umum kerajaan setuju laksana subsidi diesel bersasar di Semenanjung.
- *Sinar Harian* memberikan laporan komprehensif impak daripada pelaksanaan penyasaran diesel ini.

**Jumlah penjimatan kepada kerajaan dijangka sekitar RM4 bilion setahun**

**Dapat mengurangkan penyeludupan diesel di Semenanjung**

**Inflasi dijangka naik sedikit tetapi masih terkawal**

**Perkukuh fiskal kerajaan, tingkat peruntukan sumber**

**Peniaga mungkin ambil kesempatan menaikkan harga**

**KPDN akan buat pemantauan rapi bendung ketirisan, penyeludupan**

**Subsidi diesel sampai kepada kelompok sasaran, bukannya golongan T20 dan warga asing**

**Tinjauan *Sinar Harian* mendapati warga Thailand menyatakan masih ingin guna diesel Malaysia jika harga selepas penyasaran lebih rendah berbanding negara mereka iaitu RM3.45 seliter ketika ini.**

MUKA 2, 3, 4, 5 & 6

# Kerajaan laksana penyasaran subsidi diesel

**Sebagai permulaan hanya libat pengguna di Semenanjung, tidak libat Sabah, Sarawak**



Penyasaran subsidi diesel berupaya menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM4 bilion setahun. - Gambar hiasan

LAPORAN MUKA DEPAN

SHAH ALAM

Jemaah Menteri telah bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi untuk bahan api diesel yang berupaya menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM4 bilion setahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebagai permulaan, penyasaran tersebut hanya melibatkan pengguna bagi kawasan Semenanjung dan tidak melibatkan Sabah serta Sarawak.

"Sebabnya, Sabah dan Sarawak hampir setiap keluarga menggunakan diesel untuk kegunaan kenderaan, jadi kita menangguhkan sebarang tindakan kerana membebankan kebanyakan rakyat.

"Di Semenanjung, bagi membendung kenaikan mendadak harga barang, kerajaan berikan subsidi diesel kepada pengguna komersial melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

"Ini termasuk pengusaha bas dan teksi. Kerajaan juga akan terus memberi subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu," katanya dalam Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung di semua saluran media tempatan pada Selasa malam.

Ujar Anwar, melalui usaha penyasaran subsidi diesel tersebut, jumlah penjimatan kepada kerajaan secara kasar adalah dijangka sekitar RM4 bilion setahun.

"Kerajaan bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pekebun dan peniaga kecil.

"Bantuan tunai ini pastinya tidak memanfaatkan golongan T20," ujarnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak menyatakan tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi tersebut.

Difahamkan, penjelasan lanjut akan dibuat oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

## PENYASARAN SUBSIDI DIESEL

- Melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia sahaja.
- Tidak membabitkan pengguna di Sabah dan Sarawak memandangkan kebanyakan keluarga di negeri berkenaan menggunakan diesel untuk kegunaan kenderaan harian mereka.
- Berupaya menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM4 bilion setahun.
- Kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan.
- Melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).
- Ia termasuk pengusaha bas, teksi serta kategori nelayan tertentu.
- Ia tidak melibatkan golongan T20 dan [illegible] yang sebelum ini turut menikmati subsidi diesel.

# Pemantauan rapi bendung ketirisan, penyeludupan

**KPDN akan pastikan tidak berlaku penyelewengan, hanya diberikan kepada yang benar-benar layak**

SHAH ALAM



FUZIAH

LAPORAN MUKA DEPAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan membuat pemantauan rapi bagi membendung ketirisan dan sindiket penyeludupan diesel sebaik sahaja penyasaran subsidi minyak itu dilaksanakan.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, tindakan itu bagi menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar penyasaran subsidi tersebut diberikan kepada yang benar-benar layak tanpa diseleweng oleh mana-mana pihak.

"Pengguna komersial melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) akan menggunakan *Fleet Card* untuk membeli diesel bersubsidi di pam minyak.

"Sekarang ini semua jenis kenderaan yang layak sedang mendaftar dengan KPDN dan kemudian mereka akan mendaftar dengan syarikat minyak pilihan masing-masing.

"Apabila subsidi sasar dilaksanakan nanti, harga diesel di pam sudah tiada subsidi. Hanya yang mempunyai *Fleet Card* ini sahaja boleh membeli diesel dengan harga subsidi. KPDN akan sentiasa meneruskan pemantauan rapi," jelas beliau kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Fuziah berkata, penyasaran subsidi itu dapat membantu mengurangkan masalah ketirisan kerana warga asing di negara ini tidak lagi boleh membeli diesel dengan harga subsidi.

"Begitu juga dengan sindiket penyeludupan diesel tidak lagi dapat berbuat demikian kerana pam minyak hanya menjual diesel tanpa subsidi," ujarnya.

Fuziah turut mengingatkan peniaga agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya selepas ini.

Ini kerana, katanya, tidak timbul atau wujud isu peningkatan kos pengangkutan.

"Peniaga yang menggunakan diesel sebagai bahan api untuk kenderaan mengangkut barangan seharusnya mendapat manfaat daripada penyasaran subsidi diesel ini," kata beliau.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 3

# FOMCA bimbang ada peniaga ambil kesempatan

**SHAH ALAM -** Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) bimbang pengumuman kerajaan berhubung penyasaran subsidi diesel akan mendorong peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang jualan atau perkhidmatan.

Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA, Saravanan Thambirajah sehubungan itu berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) meningkatkan penguatkuasaan.

"FOMCA menyokong keputusan kerajaan bagi menangani masalah ketirisan subsidi diesel tetapi masih banyak penekanan yang perlu diberi perhatian kerana akan ada peniaga sengaja mengambil kesempatan menaikkan harga barang.

"Mereka akan menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan keuntungan mudah. Misalnya memberi alasan terpaksa menaikkan harga barang kerana tidak layak dapat subsidi yang membawa kepada peningkatan kos operasi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Saravanan juga berharap penyasaran subsidi diesel itu dapat membantu golongan yang benar-benar memerlukan termasuk B40 dan M40.

"Kerajaan perlu memulihkan ekonomi serta membina keyakinan pelabur asing. Dalam masa sama menghapuskan miskin tegar agar rakyat hidup lebih sejahtera," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 4

# Inflasi dijangka naik tapi terkawal - Pakar ekonomi

**Susulan penyasaran subsidi diesel juga dilihat dapat atasi masalah ketirisan dan pembaziran akibat penyeludupan bahan api**

SHAH ALAM

Inflasi Malaysia dijangka berlaku sedikit peningkatan, namun masih lagi di bawah kadar purata yang baik iaitu tiga peratus susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Penganalisis ekonomi dari Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kadar inflasi negara kini ialah 1.8 peratus dan jika naik kepada dua peratus susulan langkah berkenaan, ia dianggap masih boleh diterima.

Menurutnya, impak daripada penyelarasan itu juga tidak terlalu ketara memandangkan kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel melibatkan 10 jenis pengangkutan darat dan 23 jenis pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).



AHMED RAZMAN



AIMI ZULHAZMI

"Kalau kita lihat daripada aspek kebimbangan pengguna iaitu risau dengan kenaikan barangan dan perkhidmatan, mungkin tidak akan berlaku kerana beberapa sektor perniagaan atau kategori yang menggunakan diesel pun diwujudkan pemakaian subsidi itu.

"Oleh itu, ia memberi jaminan kepada pelbagai golongan yang risau tentang perkara ini. Berdasarkan kategori yang telah diumumkan, maka tiada alasan untuk peniaga atau pengguna diesel ini untuk mengatakan kos mereka meningkat sebab memang harga kekal sama.

"Walaupun kita tak boleh jamin 100 peratus tidak akan berlaku peningkatan, satu kelebihan yang kita ada sekarang ialah kadar inflasi yang masih rendah, iaitu 1.8 peratus. Kalau berlaku peningkatan yang sedikit pun, masih lagi di bawah purata kadar inflasi yang baik," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Ahmed Razman, penyasaran subsidi diesel juga dilihat sebagai sebahagian daripada cara mengatasi masalah ketirisan dan pembaziran akibat penyeludupan bahan api walaupun tidak sepenuhnya.

Justeru, beliau mencadangkan agar kerajaan mengaplikasikan teknologi blockchain atau mekanisme pangkalan data lanjutan yang membolehkan pergerakan barangan dikesan untuk menangani masalah tersebut sepenuhnya.

"Kalau kita lihat di Singapura dan Hong Kong, mereka sudah menggunakan teknologi blockchain di pelabuhan masing-masing untuk kesan pergerakan barangan.

"Diesel merupakan satu komoditi yang boleh dikesan apabila sistem penjejakan pergerakannya dipertingkatkan dalam sistem teknologi terkini ini. Saya lihat [illegible] saya berpendapat hanya teknologi blockchain yang akan dapat selesaikan sepenuhnya.

"Kita sudah ada sistem PADU (Pangkalan Data Utama), jadi ia satu kerugian jika kita tidak integrasikan dengan sistem seperti blockchain ini," jelasnya.

Sementara itu, pakar ekonomi dan kewangan dari UniKL Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid turut senada dan menjangkakan kadar inflasi naik kesan gandaan ekonomi apabila kos pengangkutan serta logistik dinaikkan.

Bagaimanapun katanya, kerajaan bertindak untuk meminimumkannya seperti mungkin kenaikan harga barang tersebut dengan mengadakan sistem kawalan SKDS.

"Dalam situasi ini, sudah pasti akan ada peniaga yang akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang masing-masing atas alasan tersebut.

"Jadi ia perlu dipantau kerajaan [illegible] sepanjang masa. Jadi, penguatkuasaan hanya boleh dilakukan ke atas barang keperluan atau harga barang kawalan," ujarnya.

Aimi Zulhazmi berkata, penstrukturan semula subsidi ini adalah untuk merasionalisasikan perbelanjaan kerajaan, di mana penjimatan seperti RM4 bilion peringkat awal ini akan disalurkan juga kepada rakyat Malaysia terutama yang betul-betul layak dan terkesan, bukan lagi untuk pelbagai golongan yang selama ini menikmatinya bersama tanpa had.

Bagaimanapun jelasnya, ia tidak akan mengurangkan belanja kerajaan [illegible] berjumlah RM13 bilion dalam jangka masa pendek kerana penjimatan ini disalurkan semula kepada rakyat serta-merta.

"Apabila bersasar, ia dijangka akan diperluaskan ke seluruh negara dan merangkumi bahan api lain seperti RON95, diesel serta barangan keperluan yang menerima subsidi secara pukal sekarang.

"Pada peringkat inilah kerajaan akan dapat melihat penjimatan perbelanjaan, mengurangkan defisit hutang negara serta menstrukturkan semula perbelanjaan negara secara mampan," kata beliau.




Inflasi Malaysia dijangka berlaku sedikit peningkatan, namun masih lagi di bawah kadar purata yang baik iaitu tiga peratus susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel. - Gambar hiasan

REAKSI



"Pelaksanaan penyasaran subsidi untuk bahan api diesel bertujuan membantu [illegible] perbelanjaan negara, [illegible] untuk pembangunan lebih baik. [illegible] sampai kepada kelompok sasaran."

— Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 5

# Warga Thailand masih boleh beli diesel

Yakin harga masih murah berbanding di negara mereka disebabkan tukaran asing

RANTAU PANJANG



LAPORAN MUKA DEPAN

Warga asing masih berpeluang membeli bahan api itu buat masa sekarang kerana kerajaan belum menguatkuasakan sepenuhnya program penyasaran subsidi diesel. - *Gambar hiasan*

Warga Thailand masih berpeluang untuk mendapatkan bekalan minyak diesel sebelum kerajaan Malaysia melaksanakan penyasaran subsidi bahan bakar itu sepenuhnya tidak lama lagi.

Seorang warga Thailand yang mahu dikenali sebagai Han, 45, berkata, walaupun Malaysia akan mengapung diesel namun harga bahan bakar itu masih murah berbanding di negara berkenaan disebabkan faktor tukaran matawang.

"Ketika ini kerajaan Malaysia mengehadkan belian sebanyak 20 liter di kawasan sempadan, namun ada yang mengambil kesempatan dengan membuat isian secara berulang di kawasan stesen minyak berlainan.

"Akhirnya... kami dapat penuhkan tangki kenderaan menggunakan taktik tersebut. Tetapi, kami perlu waspada kerana anggota penguat kuasa kerap membuat rondaan serta pemeriksaan mengejut," katanya.

Selain itu, Han berkata, penduduk Thailand di kawasan sempadan turut menikmati diesel pada harga murah menerusi aktiviti penyeludupan.

Katanya, kebiasaan mereka yang kerap menggunakan diesel akan membuat belian secara pukal dan dijadikan sebagai stok dengan menyimpan dalam tong jerikin.

Menurut Han, walaupun berdepan risiko kebakaran, namun mereka sentiasa berwaspada.

Bagi Loh, 50, pula, dia bergantung sepenuhnya kepada minyak diesel Malaysia yang diseludup masuk ke negara berkenaan.

Katanya, harga murah berbanding stesen tempatan di Thailand membuatkan dia lebih gemar menggunakan bahan api seludup itu.

"Orang kampung seperti saya bergantung sepenuhnya kepada minyak seludup. Harga lebih murah membolehkan saya berjimat cermat," katanya.

Ketika ini harga diesel di Malaysia dijual pada RM2.18 seliter berbanding RM3.45 di Thailand.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan akan melaksanakan penyasaran subsidi diesel.

Terdahulu, media turut melaporkan Kelantan bakal mewujudkan dua stesen minyak tanpa subsidi tidak lama lagi bagi mengelakkan ketirisan petrol ke negara jiran.

Pembinaan stesen minyak tanpa subsidi di sempadan Malaysia-Thailand di Rantau Panjang sudah 80 peratus siap.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, ketika ini pihaknya menunggu sijil layak menduduki (CF) bagi membolehkan kuota penjualan bahan api itu dapat dijalankan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 26

# KPDN Johor rampas 6,000 liter diesel diseleweng

**JOHOR BAHRU -** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor berjaya merampas 6,000 liter minyak diesel hasil serbuan di satu kawasan meletak lori di Ulu Tiram, di sini pada Isnin.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, dua unit tangki besi, sebuah lori pasir, satu anak kunci dan satu resit pembelian minyak diesel turut dirampas dalam Ops Tiris yang dijalankan sekitar jam 7.30 petang itu.

"Hasil pemeriksaan ini, pihak KPDN menemui lori yang disyaki menjadi tempat untuk menyimpan, selain membawa diesel tanpa lesen dan permit yang sah.

"Nilai rampasan diesel dianggarkan berjumlah RM12,900 sementara nilai keseluruhan rampasan pula mencecah sehingga RM63,403.

"Seorang lelaki warga tempatan yang mengaku sebagai penyewa lori tersebut telah ditahan bagi membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Difahamkan, modus operandi digunakan sindiket dalam aktiviti penyelewengan ini adalah menggunakan sebuah lori pasir yang diubah suai dengan meletakkan tangki besi sebagai tempat menyimpan minyak diesel bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Kes disiasat di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

FOTO: KPDN JOHOR



Lori yang disyaki menjadi tempat untuk menyimpan, selain membawa diesel tanpa lesen dan permit sah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 13

# CIMB forecasts mid-June kickoff for fuel subsidy rationalisation

**KUALA LUMPUR:** CIMB Investment Bank Bhd anticipates the rollout of fuel subsidy rationalisation to commence in mid-June at the earliest.

This projection aligns with the government's recent indication that the rationalisation will begin with diesel, it said in a note yesterday.

"The implementation date was not stated, though we understand that registrations for the diesel fleet card system are due to be in the next month, putting June as the earliest start date.

"Considering the application process for the fleet card, we expect the rollout to take place in mid-June at the earliest," it said.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, in a national address on Tuesday, announced the Cabinet's decision to initiate fuel subsidy rationalisation, starting with diesel.

However, specific timelines have not been disclosed, pending announcements from the relevant ministries.

To recap, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali stated in February plans to implement targeted diesel subsidies by June.

The expected savings from diesel subsidies are estimated at RM4 billion, equivalent to 0.2% of gross domestic product (GDP) per annum.

CIMB Investment Bank outlined the two application levels under the subsidised diesel control system (SKDS) 2.0.

These include an application to the Domestic Trade Ministry for authorisation, with approvals taking up to two days, and an application to oil firms for fleet card issuance, estimated to require up to four weeks.

The SKDS 2.0 application process for companies operating nine types of goods transport vehicles commenced on March 7 and has since expanded to an additional 14 types of commercial vehicles as of May 13.

"At this stage, it remains unclear whether eligible individuals owning diesel-powered vehicles will need to apply for cash aids, or if the government will utilise information from the Padu database," the note added.

Padu is a repository for storing information on utilities and related details. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: KHAMIS

TARIKH: 23/5/2024

M/SURAT: 3

# Clear the air on diesel decision, say experts

**PETALING JAYA:** The implementation of diesel subsidy rationalisation must be transparent to ensure a smooth transition and for people to accept the change, say economists.

Gaining public support for the policy change, which is needed as the country moves towards fiscal responsibility and long-term economic stability, is important, they said.

The transition is likely to bring occasional price increases, says Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid.

"Consumers and businesses will have to be on guard and anticipate higher prices during this period," he said.

Universiti Malaya's Prof Dr Mohd Nazari Ismail also pointed out that the details of the government's plan are still unclear.

"In the long run, prices will go up once the rationalisation is implemented," he said.

To avoid a sharp rise in the cost of goods and services, subsidies will continue for traders using diesel-powered commercial vehicles and public transportation.

From May 16 to Wednesday, diesel retailed for RM2.15 per litre, and RM2.05 per litre for RON95 petrol.

In February, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali announced that the government was restructuring a targeted subsidy plan for diesel in the peninsula, to be implemented by the second quarter of this year.

Mohd Afzanizam emphasised the importance of managing the transition effectively.

He suggested higher allocations for the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) and Rahmah Cash Aid (STR), along with targeted subsidies, to help mitigate the impact.

"A clear timeline and visible positive outcomes are crucial. If the public sees this, negative sentiments can be managed," he said.

Mohd Nazari said the planned implementation as announced by Anwar indicates there would not be a sudden increase in essential goods prices in the short term.

"Many groups will still have access to subsidised diesel, so the public should react positively. The government's approach is the best way to reduce expenditure and control public debt. The public must understand that the government cannot keep borrowing to fund expenses," he added.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) chief executive officer Dr Saravanan Thambirajah stressed the importance of rationalising subsidies to prevent smuggling.

He called for stronger government action to address these issues and ensure that public funds are not wasted.

"Enforcement must be improved. Changes in taxes or subsidies can pressure traders, and some may exploit the situation for excessive profits.

"The Domestic Trade and Cost of Living Ministry should intensify enforcement under the Price Control and Anti-Profiteering Act to rein in greedy traders," he added.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian
HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 17



*Pegawai KPB memeriksa beras yang disimpan dalam sebuah gudang tidak berlesen di Sibu, Sarawak.*
(Foto FB Mohamad Sabu)

# Gudang tiada lesen diserbu, beras RM2.1 juta dirampas

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 645.75 tan beras pelbagai gred, termasuk Beras Putih Import (BPI), dianggarkan bernilai RM2.1 juta dirampas dari sebuah gudang di Sibu, Sarawak, minggu lalu.

Rampasan dibuat menerusi serbuan bersepadu Op TARING BRAVO 3 dilancarkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA), pada 15 dan 16 Mei lalu.

Dalam satu kenyataan semalam, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), memaklumkan hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan terbabit tiada lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"KPB menyita stok beras terbabit serta dokumen berkaitan bagi siasatan lanjut di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 PU (A) 624.

"Siasatan turut dijalankan terhadap syarikat terbabit, sama ada terbabit dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi, iaitu BPI," menurut kenyataan berkenaan.

Menurut KPKM, penyelewengan barang bersubsidi adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang membawa kerugian kepada negara, sekali gus menyebabkan rakyat tidak dapat membeli barangan itu.

Ini kerana, kerajaan bersetuju memberi subsidi BPI bernilai RM950 setiap tan pada peringkat borong bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dengan harga jualan runcit tidak melebihi RM31 setiap kampit 10 kilogram, mulai 5 Oktober lalu.

"KPB sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan negara iaitu MCBA, PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

"Kerjasama itu dalam mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengekang cubaan menyeleweng BPI di Sabah dan Sarawak. Ia termasuk cubaan membawa keluar beras terbabit dari sempadan negara.

"KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta 522 dan peraturan di bawahnya. Tindakan tegas akan diambil jika pemegang lesen gagal mematuhinya," menurut kenyataan itu lagi.

Mereka yang ada maklumat berkaitan sebarang pelanggaran undang-undang mengenai padi dan beras, diminta menyalurkannya melalui Portal Aduan KPB https://skpb.kpkm.gov.my/adu.

Boleh juga hubungi Ibu Pejabat KPB di Putrajaya di talian 03-88701751/1748/1183.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 35

# Subsidi bersasar langkah berani, jimatkan kos kerajaan

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

PETALING JAYA: Pelaksanaan subsidi bersasar diesel merupakan langkah berani yang diambil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali gus bakal menjimatkan kos kerajaan sehingga RM4 bilion setiap tahun.

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Mohd. Faisol Ibrahim berkata, penyelarasan subsidi itu merupakan suatu perkara yang positif dan dijangka akan memberi ruang dan peluang kepada kerajaan untuk menyempurnakan perancangan yang telah diutarakan sebelum ini supaya agenda ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Baginya, ini kerana pelbagai pemberian subsidi yang telah dilaksanakan sebelum ini kurang memberi impak kepada masyarakat secara dominan dan akhirnya ia tidak membawa rakyat khususnya B40 keluar daripada bebanan kos hidup.

"Sementara kumpulan masyarakat lain pula dapat menikmati subsidi ini dengan margin penggunaan yang tinggi sedangkan golongan ini kurang atau tidak terkesan dengan perubahan sistem ekonomi semasa negara.

"Oleh itu, pelarasan ini adalah langkah yang tepat dan berani oleh kerajaan bagi membanteras segala ketirisan dan kebocoran dalam corak agihan yang dilaksanakan sebelum ini.

> "Pelarasan ini adalah langkah yang tepat dan berani oleh kerajaan bagi membanteras segala ketirisan dan kebocoran dalam corak agihan yang dilaksanakan sebelum ini."
>
> MOHD. FAISOL IBRAHIM

"Dengan harapan, apabila perkara ini dapat diatasi melalui penyelarasan subsidi, maka golongan yang bersasar dan perlu sahaja yang layak menerima subsidi," katanya kepada Utusan Malaysia.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, penyelarasan subsidi yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan pada ketika ini kerana kerajaan mahu mampu ke arah perbelanjaan yang jauh lebih berhemah supaya tidak membazir dan hutang negara menjadi minimum.

"Selain itu, kerajaan juga mahu melaksanakan penyelarasan subsidi pukal ke arah subsidi bersasar yang mampu mengelak kebocoran dan ketirisan dalam proses pelaksanaan subsidi itu.

"Ini akan membantu kerajaan ke arah pengurusan perbelanjaan negara dengan lebih efisien dan berdaya maju serta menjimatkan kos kerajaan," ujarnya.




KERAJAAN akan melaksanakan subsidi bersasar diesel di Semenanjung Malaysia tidak lama lagi. - GAMBAR HIASAN

Kelmarin, menerusi siaran langsung Perutusan Khas Perdana Menteri, Anwar mengumumkan kerajaan bersetuju untuk melaksanakan subsidi bersasar diesel yang dijangka mampu membawa penjimatan kira-kira RM4 bilion kepada negara setiap tahun.

Langkah tersebut akan dijalankan di Semenanjung Malaysia sahaja kerana keadaannya berbeza untuk situasi di Sabah dan Sarawak.

Anwar menjelaskan, langkah tersebut hanya memberi kesan kepada golongan kaya serta warga asing, manakala kelompok lain termasuk B40 akan tetap mendapat manfaat melalui pelbagai inisiatif bersasar.

Katanya, butiran lanjut mengenai langkah tersebut akan diperincikan oleh kementerian berkaitan tidak lama lagi.

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 7

# Lebih 645 tan beras dirampas di gudang tiada lesen

**PUTRAJAYA:** Sejumlah 645.75 tan metrik pelbagai gred beras termasuk beras putih import (BPI) yang dianggarkan bernilai RM2.1 juta dirampas di sebuah gudang di Sibu, Sarawak.

Rampasan itu dibuat dalam serbuan sepasukan penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam operasi bersepadu Op Taring Bravo 3.

Menurut KPKM, serbuan dijalankan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) selama dua hari di sekitar daerah itu bermula 15 Mei lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan berkenaan tidak mempunyai lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

"KPB menyita stok beras tersebut berserta dokumen-dokumen yang berkaitan bagi siasatan lanjut di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 P.U (A) 624," katanya dalam kenyataan semalam.

KPKM berkata, siasatan turut dijalankan terhadap syarikat tersebut sama ada terlibat dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi iaitu BPI.

Mulai 5 Oktober tahun lalu, kerajaan bersetuju memberikan subsidi BPI sebanyak RM950 per tan metrik peringkat borong bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dengan harga jualan runcit tidak melebihi RM31 per kampit bagi 10 kilogram.

"Tindakan menyeleweng barang bersubsidi adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang membawa kerugian kepada negara dan mengakibatkan rakyat tidak dapat membeli barangan itu.

"KPB sentiasa berkolaborasi dengan agensi penguatkuasaan negara dalam mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengekang pihak yang cuba menyeleweng BPI di Sabah dan Sarawak termasuk cubaan membawa keluar beras tersebut dari sempadan negara," katanya.

Pada masa sama, KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya dan tindakan tegas akan diambil sekiranya pemegang lesen gagal mematuhinya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 'Kenaikan harga barang, perkhidmatan dijangka berlaku'


HENG GUIE

**SHAH ALAM** - Penyasaran subsidi diesel yang membabitkan pengguna Semenanjung dijangka akan menyebabkan kenaikan pada harga barang dan perkhidmatan.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERC), Lee Heng Guie berkata, kenaikan tersebut bagaimanapun bergantung kepada perincian mekanisme penyasaran subsidi diesel yang akan diumumkan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan tidak lama lagi.

"Persoalannya, adakah subsidi yang diberikan kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel itu akan dihadkan dari segi jumlah atau atau berapa kilometer yang dipakai untuk satu bulan?

"Kalau mereka terima subsidi sepenuhnya, maka kesan inflasi dalam kalangan pengguna mungkin tidak begitu ketara.

"Tetapi, kalau mereka hanya menerima sebahagian subsidi sahaja, mungkin ia menyebabkan kos perniagaan bertambah sekali gus menyebabkan peningkatan harga barang dan perkhidmatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Heng Guie, terdapat dua perkara yang perlu diperjelaskan berhubung isu berkenaan bagi memahami implikasi penyasaran subsidi diesel kepada rakyat.

"Pertama, bila subsidi itu akan dilaksanakan dan kedua adakah harga diesel diapungkan atau dinaikkan secara perlahan.

"Baru kita dapat jangka apakah kesan kepada pengguna, dari segi harga atau inflasi," katanya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 11

# Gudang simpan beras subsidi diserbu

**Sebanyak 645.75 tan metrik pelbagai gred beras dianggar bernilai RM2.1 juta dirampas**

Oleh RAHIAM MOHD SANUSI
PUTRAJAYA

Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merampas sebanyak 645.75 tan metrik pelbagai gred beras termasuk beras putih import (BPI) dianggarkan bernilai RM2.1 juta di sebuah gudang tidak berlesen di Sibu, Sarawak.

Serbuan dilakukan sepasukan pegawai kuasa KPB bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) melalui operasi bersepadu Op Taring Bravo 3 yang dijalankan di sektor tersebut itu pada 15 hingga 16 Mei lalu.

KPKM menerusi satu kenyataan pada Rabu berkata, hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan tersebut tidak mempunyai lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"KPB menyita stok beras tersebut berserta dokumen berkaitan bagi siasatan lanjut di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 P.U.(A) 524.

"Siasatan turut dijalankan terhadap syarikat itu sama ada terlibat dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi iaitu beras putih import," katanya.

Mulai 5 Oktober 2023, kerajaan bersetuju memberikan subsidi BPI sebanyak RM950 per tan metrik peringkat borong bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dengan harga jualan runcit adalah tidak melebihi RM31 per kampit bagi 10 kilogram.

KPKM menegaskan, tindakan menyeleweng barang bersubsidi adalah perbuatan tidak bertanggungjawab yang membawa kerugian kepada negara dan mengakibatkan rakyat tidak dapat membeli barangan berkenaan.

Katanya, KPB sentiasa berkolaborasi dengan agensi penguatkuasaan negara iaitu MCBA, PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) dalam memperghiatkan aktiviti penguatkuasaan.

"Ia bagi mengekang pihak yang cuba menyeleweng BPI di Sabah dan Sarawak termasuk cubaan membawa keluar beras tersebut dari sempadan negara.

"KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Tindakan tegas akan diambil sekiranya pemegang lesen gagal mematuhinya," ujarnya.

KPKM turut meminta orang awam menyalurkan aduan atau maklumat secara rasmi melalui Portal Aduan KPB https://skpb.kpkm.gov.my/adk atau hubungi Ibu Pejabat KPB 03-88701751/1746/1183.



Pegawai kuasa KPB memeriksa sebuah gudang tidak berlesen dalam operasi bersepadu Op Taring Bravo 3 di Sibu, Sarawak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



ANGGOTA penguat kuasa menahan lori yang digunakan untuk membeli diesel secara salah di Seremban pada 2 November 2023.

# Henti penyelewengan sejak 15 tahun lalu

**PETALING JAYA** – Langkah kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin dijangka mampu menyelesaikan isu penyalahgunaan bahan api itu yang telah berlarutan selama lebih 15 tahun.

Pakar ekonomi, Prof. Barjoyai Bardai berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi itu wajar untuk mengawal aktiviti penyelewengan yang semakin berleluasa apabila terdapat sindiket menjual bahan api bersubsidi itu pada harga lebih dua kali ganda bagi mengaut keuntungan.

"Ternyata langkah ini tepat dilakukan ketika ini setelah subsidi yang diberi kerajaan untuk penggunaan 80.6 bilion tan diesel setahun sebelum ini, mampu meraih penjimatan sehingga RM4 bilion setahun.

"Namun, pemantauan terhadap penyelewengan subsidi perlu diperketatkan.

"Ini kerana, pelaksanaan ini hanya dilakukan di Semenanjung dan tidak dibuat di Sabah dan Sarawak. Kebimbangan apabila penyelewengan diesel akan tertumpu di dua negeri itu nanti," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Terdahulu, Anwar menerusi Perutusan Negara kelmarin mengumumkan Kabinet bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel melibatkan pengguna di Semenanjung yang dianggarkan membawa penjimatan RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.

Dalam pada itu, jelas Barjoyai, penjimatan RM4 bilion yang diperoleh kerajaan terhadap penyasaran ini dapat diguna dan diagihkan kepada golongan sasar yang lain bagi merancakkan lagi kitaran ekonomi kepada negara.

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 6



ANTARA beras yang dirampas dalam satu serbuan di Sibu baru-baru ini. – IHSAN KPKM

Penguat kuasa serbu premis tidak berlesen di Sibu

# Beras bernilai RM2.1 juta dirampas

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Sejumlah 645.75 tan metrik beras pelbagai gred termasuk beras putih import (BPI) yang dianggarkan bernilai RM2.1 juta dirampas di sebuah gudang di Sibu, Sarawak baru-baru ini.

Rampasan itu dibuat menerusi serbuan sepasukan penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui operasi bersepadu Op Taring Bravo 3 bermula 15 Mei lalu.

Menurut KPKM, serbuan turut dilakukan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) selama dua hari di sekitar daerah itu.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan berkenaan tidak mempunyai lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"KPB menyita stok beras tersebut berserta dokumen-dokumen yang berkaitan bagi siasatan lanjut di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 P.U (A) 634," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

KPKM berkata, siasatan turut dijalankan terhadap syarikat tersebut sama ada terlibat dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi iaitu BPI.

"Tindakan menyeleweng barang bersubsidi adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang membawa kerugian kepada negara dan mengakibatkan rakyat tidak dapat membeli barangan berkenaan.

"KPB sentiasa berkolaborasi dengan agensi penguatkuasaan negara dalam mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengekang pihak yang cuba menyeleweng BPI di Sabah dan Sarawak termasuk cubaan membawa keluar beras tersebut dari sempadan negara," katanya.

Pada masa sama, KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta 522 dan peraturan-peraturan di bawahnya dan tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka gagal mematuhinya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PELAKSANAAN PENYASARAN SUBSIDI BAHAN API

# Harga barangan dijangka meningkat

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan penyasaran semula subsidi bahan api bermula dengan diesel di Semenanjung Malaysia dikhuatiri akan meningkatkan harga barangan.

Peniaga, Yang Eng Han, 37, berkata, ini kerana dari segi kos pengangkutan itu dilihat meningkat berbanding sebelum ini.

"Barang semua akan naik disebabkan kos pengangkutan lori itu dari satu tempat ke tempat lain telah meningkat.

"Sebagai contoh seminggu sekali saya isi diesel untuk lori satu tan berjumlah RM100. Tapi selepas ini, mungkin naik ke RM150 menyebabkan harga barang juga akan naik.

"Tak kira sayur atau pakaian ke, mesti naik," katanya ketika ditemui Harian Metro di Pasar Chow Kit semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin dilapor menyatakan kabinet bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi bahan api bermula dengan diesel membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Anwar berkata, dengan usaha penyasaran subsidi diesel ini, jumlah penjimatan kepada kerajaan dijangka RM4 bilion setahun.

Katanya, sebagai permulaan, penyasaran subsidi diesel hanya melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia dan tidak membabitkan pengguna Sabah dan Sarawak.

Seorang lagi peniaga, M Arvind Maran, 20, pula optimis pihaknya boleh

> **"Berbeza dengan berlakunya banjir atau musim kemarau ke itu lain dan munasabah harga sayur dinaikkan"**

mengurus dan menyelaraskan kos perbelanjaan perniagaan jika berlaku penyasaran semula subsidi.

Menurutnya, pihaknya tidak boleh menaikkan harga sayur dijual sesuka hati sekiranya berlakunya kenaikan diesel.

"Kalau diesel naik, kita tak boleh naikkan harga sayur dijual. Tapi berbeza dengan berlakunya banjir atau musim kemarau ke itu lain dan munasabah harga sayur dinaikkan," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, peniaga akan terkena 'tempias' akibat daripada penyasaran semula subsidi bahan api diesel.

"Contohnya pengangkutan atau lori membawa barang keperluan untuk peniaga seperti sayur yang datang dari Cameron Highlands itu menggunakan diesel.

"Bila diesel naik harga, sudah tentu barang naik harga. Macam mana kita nak kawal harga barang kalau harga minyak (diesel) ini naik?" soalnya.

Beliau juga melihat langkah penyasaran semula subsidi bahan api sebagai kurang bijak kerana golongan B40 dilihat akan terbeban selepas ini berbanding T20.



PETANI Kamarul Ariffin Kamaradeen, 42, mengisi minyak diesel ke dalam tangki enjin pam air bagi mengepam air dari Sungai Nal untuk menyiram tanamannya di Kampung Kuala Nal, Kuala Krai.

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 23/5/2024
M/SURAT: 18

# Beras putih import RM2.1j dirampas

**645.75**
jumlah tan metrik BPI yang dirampas

Putrajaya: Sejumlah 645.75 tan metrik pelbagai gred beras termasuk beras putih import (BPI) yang dianggarkan bernilai RM2.1 juta dirampas Kawalselia Padi dan Beras (KPB) bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di sebuah gudang di Sibu, Sarawak 15 dan 16 Mei lalu.

KPKM dalam satu kenyataan media memaklumkan, serbuan dilakukan sepasukan Penguatkuasa KPB bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) melalui operasi bersepadu Op Taring Bravo 3.

Hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan berkenaan tidak mempunyai lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"KPB turut menyita stok beras berserta dokumen berkaitan bagi siasatan lanjut di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 P.U (A) 624.

"Siasatan turut dijalankan terhadap syarikat itu sama ada terbabit dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi iaitu beras putih import," katanya

Dalam kenyataan sama, KPKM memaklumkan kerajaan bersetuju untuk memberikan subsidi BPI sebanyak RM950 per tan metrik peringkat borong bagi Sabah, Sarawak dan Labuan mulai 5 Oktober tahun lalu, dengan harga jualan runcit adalah tidak melebihi RM31 per kampit bagi 10 kilogram (kg).

Katanya, tindakan menyeleweng barang bersubsidi adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang membawa kerugian kepada negara dan mengakibatkan rakyat tidak dapat membeli barangan itu.

"KPB sentiasa berkolaborasi dengan agensi penguatkuasaan iaitu MCBA, PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) dalam mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengekang pihak cuba menyeleweng BPI di Sabah dan Sarawak termasuk cubaan membawa keluar beras itu dari sempadan negara.

"KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan peraturan di bawahnya.

"Tindakan tegas akan diambil sekiranya pemegang lesen gagal mematuhinya," katanya.

Orang awam diminta menyalurkan aduan atau maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang berkaitan padi dan beras melalui Portal Aduan KPB https://skpb.kpkm.gov.my/adu atau hubungi Ibu Pejabat KPB, Putrajaya di talian 03-88701751 atau 03-88701748 atau 03-88701183.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# RM2.1m of subsidised rice seized

**PUTRAJAYA:** The Agriculture and Food Security Ministry Rice and Padi Regulatory Division has seized 645.75 tonnes of subsidised rice worth RM2.1 million through Op Taring Bravo 3 at a warehouse in Sibu, Sarawak.

The operation was carried out in cooperation with police and the Malaysian Checkpoints and Border Agency on May 15 and 16.

The ministry said several grades of rice, including the imported white variety, were seized at the warehouse, which was not issued with a licence under the Control of Padi and Rice Act 1994 (Act 522).

"The division has seized the rice and related documents for further investigation under Act 522 and the Control of Padi and Rice (Licensing of Wholesalers and Retailers) Regulations 1996."

The government has agreed to provide a subsidy of RM950 per tonne of imported white rice starting from Oct 5 in Sabah, Sarawak and Labuan to enable rice to be obtained at a retail price of RM31 per 10kg.

The ministry said misusing subsidised goods is an irresponsible act that causes losses to the country.

"The division constantly collaborates with enforcement agencies to curb those who try to misuse imported white rice in Sabah and Sarawak, including attempts to take the rice out of the country."

Complaints or information can be channelled through the division's complaint portal at https://skpb.kpkm.gov.my/adu or head office in Putrajaya at 03-8870 1751/1748/1183. – Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 23 MEI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 23-May | Memastikan kestabilan bekalan barang kawalan | https://www.dailyexpress.com.my/news/234682/memastikan-kestabilan-bekalan-barang- | DAILY EXPRESS |
| 23-May | Ayam sejuk beku berlogo halal disimpan bersama daging babi disita | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/ayam-sejuk-beku-berlogo-halal-disimpan-bersama-daging- | UTUSAN MALAYSIA |
| 23-May | Ayam sejuk beku bercampur daging khinzir dirampas | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1093152/ayam-sejuk-beku-bercampur-daging-khinzir- | HARIAN METRO |
| 23-May | Kontena mengandungi daging ayam beku berlogo halal campur daging babi, dirampas | https://sabahmedia.com/2024/05/22/kpdn-sabah-terima-kes-serahan-kontena-mengandungi-daging-ayam-beku-berlogo- | SABAH MEDIA |
| 23-May | Ayam sejuk beku ada logo halal disimpan campur daging babi disita | https://www.sinarharian.com.my/article/666137/berita/semasa/ayam-sejuk-beku-ada-logo-halal-disimpan- | SINAR HARIAN |
| 23-May | Halal chicken kept with pork in Inanam storehouse | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/05/22/halal-chicken-kept-with-pork-in- | THE STAR |
| 23-May | Longgok 847 kotak ayam sejuk beku bersama daging khinzir dalam kontena | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/05/1250119/longgok-847-kotak-ayam-sejuk-beku-bersama-daging | BERITA HARIAN |
| 23-May | Daging ayam sejuk beku bercampur khinzir dirampas | https://www.buletintv3.my/nasional/daging-ayam-sejuk-beku-bercampur-khinzir-dirampas/ | BULETIN TV3 |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-May | KPDN RECORD SEIZURES WORTH OVER RM1 MLN INVOLVING 55 CASES IN SANDAKAN | https://malaysiantribune.com/kpdn-record-seizures-worth-over-rm1-mln-involving-55-cases-in-sandakan/ | MALAYSIAN TRIBUNE |
| 23-May | KPDN Sandakan catat nilai rampasan lebih RM1 juta atas pelbagai kesalahan | https://sabahmedia.com/2024/05/22/kpdn-sandakan-catat-nilai-rampasan-lebih-rm1-juta-atas- | SABAH MEDIA |
| 23-May | Beras bersubsidi bernilai RM2.1 juta disorok dalam gudang haram | https://malaysiagazette.com/2024/05/22/beras-bersubsidi-bernilai-rm2-1-juta-disorok-dalam-gudang- | MALAYSIA GAZETTE |
| 23-May | 645.75 tan metrik beras pelbagai gred bernilai RM2.1 juta dirampas | https://suarasarawak.my/645-75-tan-metrik-beras-pelbagai-gred-bernilai-rm2-1-juta- | SUARA SARAWAK |
| 23-May | Gudang tiada lesen kena serbu, beras RM2.1 juta dirampas | https://www.sinarharian.com.my/article/666125/berita/semasa/gudang-tiada-lesen-kena-serbu-beras-rm21-juta- | SINAR HARIAN |